

09 NOV 2000  
OIC-Menteri  
MESYUARAT MENTERI LUAR OIC BERMULA

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA, Qatar, 9 Nov (Bernama) -- Menteri-menteri luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memulakan mesyuarat persediaan mereka di sini Khamis ketika dunia Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran politik dan ekonomi yang memerlukan perhatian segera.

Para menteri dijangka merangka agenda dan mengkaji semula draf resolusi yang disediakan oleh pegawai-pegawai kanan sebelum dikemukakan pada sidang kemuncak pemimpin-pemimpin kerajaan.

Bercakap dengan wartawan Malaysia sebelum mesyuarat peringkat menteri itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perkara yang paling penting sekarang ialah bagi negara-negara Islam menunjukkan bahawa mereka bersatu jika mereka mahu kedudukan mereka diterima oleh pandangan dunia.

"Kita harus mengetepikan sebarang perbezaan pendapat yang boleh memecah-belahkan kita," katanya.

Sidang kemuncak tiga hari itu yang bermula Ahad ini adalah yang kesembilan dalam sejarah 31 tahun OIC yang diwujudkan di Maghribi pada September 1969 dengan tujuan, antara lain, mengukuhkan perpaduan dan kerjasama di antara negara Islam dalam bidang politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan saintifik.

Syed Hamid berkata dunia kini memerhati bagaimana dunia Islam menangani persoalan Palestin dan Israel dalam usaha mencapai keamanan di wilayah itu yang dilanda keganasan yang setakat ini mengorbankan hampir 200 orang, kebanyakannya Arab Palestin.

"Bagaimanapun, jika umat Islam terus berpecah-belah, kita sudah pasti dipinggirkan daripada pentas antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, Syed Hamid berkata isu-isu yang dihadapi umat Islam tidak semestinya membabitkan isu Arab.

Beliau berkata Malaysia telah dan akan terus memainkan peranan yang penting untuk memelihara martabat umat Islam.

Sidang Kemuncak Doha itu dibayangi oleh laporan bahawa beberapa negara utama OIC termasuk Arab Saudi akan memboikotnya disebabkan oleh keadaan yang meruncing di wilayah Palestin.

Bagaimanapun, memang diketahui umum bahawa sebahagian negara Islam tidak suka dengan tindakan Qatar mengekalkan hubungan dengan Israel, termasuk mengadakan sebuah pejabat perdagangan Israel di Doha dan sebuah pejabat Qatar di Tel Aviv.

Mengenai ancaman boikot itu, Syed Hamid berkata beliau setakat ini tidak menerima sebarang kenyataan rasmi mengenai perkara itu.

Mesyuarat peringkat menteri dirasmikan oleh Menteri Luar Qatar Sheikh Hamad bin Jassim bin Jabor al-Thani.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata beliau akan menghadiri sidang kemuncak Doha itu.

Ini akan merupakan sidang kemuncak yang keempat yang dihadiri Dr Mahathir. Sidang Kemuncak OIC yang lepas diadakan di Iran pada 1997.

-- BERNAMA  
MAM ZS AKD